

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR - BN]**

TARIKH : 25 JULAI 2017 (SELASA)

SOALAN NO. 52

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perkembangan terkini persiapan Sukan SEA 2017 yang ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pengelola Malaysia (Malaysia Organising Committee - MASOC) Kuala Lumpur 2017 (KL2017) kini sudahpun berada di fasa terakhir untuk persiapan menghadapi temasya sukan ini. MASOC sedang giat memastikan kesempurnaan persiapan Malaysia menyambut tetamu dari luar negara agar temasya ini dapat dijalankan dalam suasana yang amat baik terutamanya dari segi penginapan, makanan, penyampaian pingat dan lain-lain lagi.
2. Pada masa yang sama, MASOC juga sedang mempergiatkan promosi kepada orang ramai dalam memastikan sokongan jitu rakyat Malaysia kepada para atlet negara akan terserlah sewaktu temasya ini berlangsung. Misalnya, penjualan tiket KL2017 kini dibuka, di mana setakat ini, sambutan yang menggalakkan telah direkodkan. Contohnya, tiket seperti ke pertandingan bola jaring telah habis dijual pada hari pertama ia dibuka kepada orang ramai.
3. Aktiviti lain seperti Larian Obor sedang berlangsung dan akan tamat pada 12 Ogos 2017. Bahang temasya KL2017 juga sudah semakin hangat dengan pelancaran Kiraan Detik 30 Hari Ke KL2017 baru-baru ini.

SULIT

4. MASOC juga sedang membuat persiapan bagi upacara pembukaan dan penutupan KL2017. Pihak yang bertanggungjawab juga telah memulakan kerja di Stadium Nasional Bukit Jalil untuk tujuan ini, dengan latihan peserta yang terdiri dari ribuan anak muda yang mengambil bahagian sedang giat dijalankan.
5. Dari segi persediaan atlet, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telahpun melaksanakan **Program KITA JUARA** bermula pada bulan September 2015 iaitu program persediaan atlet ke arah temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017. Program KITA JUARA ini dilaksanakan dengan memberikan “empowerment” kepada Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) serta mewujudkan sebuah Jawatankuasa Kerja MSN-PSK bagi setiap jenis sukan sebagai kaedah pemantauan program.
6. Program ini juga telah melalui 3 fasa latihan iaitu **Fasa Pertama** bermula September 2015 sehingga September 2016, **Fasa Kedua** bermula dari Oktober 2016 sehingga Mac 2017 dan **Fasa Ketiga** bermula dari April sehingga Ogos 2017. Berdasarkan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan pada 6 dan 7 Jun yang lalu, seramai **871 orang atlet** akan mewakili Negara ke Temasya Sukan SEA 2017 yang akan bertanding dalam **398 acara daripada 404 acara** yang akan dipertandingkan.
7. Bagi Sukan Para ASEAN pula, Program persediaan atlet Para **Fasa Pertama** bermula pada **Januari 2016 sehingga Disember 2016**, **Fasa Kedua** bermula dari **Januari 2017 sehingga Mei 2017** dan **Fasa Ketiga** bermula dari **Jun 2017 sehingga September 2017**.

SULIT

8. Sehingga kini, keseluruhan atlet adalah seramai 546 atlet para dengan bimbingan 136 jurulatih/penggerak untuk pemilihan ke Para ASEAN KL 2017.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 53**PARLIMEN MALAYSIA**
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : Lisan****DARIPADA : Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar]****TARIKH : 25 Julai 2017 (Selasa)****SOALAN : Ir. Shaharuddin Bin Ismail [Kangar]**
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
apakah bentuk perancangan jangka pendek dan panjang disediakan bagi meningkatkan lagi pengeluaran buah mempelam harum manis yang menjadi 'Trade Mark' negeri Perlis yang mana permintaannya sangat tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Pertanian telah menyediakan perancangan jangka pendek dan panjang untuk meningkatkan lagi pengeluaran Mangga Harumanis yang menjadi 'Trade Mark' Negeri Perlis. Antara perancangan jangka pendek adalah seperti berikut :

a) Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Lembah Chuping

Pengeluaran akan ditingkatkan dengan perluasan kawasan penanaman melalui pembukaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) di Lembah Chuping pada tahun 2015 dengan keluasan 157 hektar melibatkan 60 orang petani.

b) Projek Kluster Mangga Harumanis

Projek ini ini bermula pada tahun 2014 dan kawasan yang telah dibangunkan adalah seluas 306.8 hektar melibatkan 545 orang petani dengan pengeluaran 703.9 tan.

c) Model Penanaman Mangga Harumanis

Model Penanaman Mangga Harumanis dilaksanakan di Pusat Kecemerlangan Mempelam Bukit Bintang dan Kompleks Pertanian Bukit Bintang. Pada tahun 2016, seluas 81.97 hektar kawasan telah dibangunkan dengan pengeluaran sebanyak 20 tan.

d) **Pemantauan oleh Jabatan Pertanian**

Bagi meningkatkan kualiti buah, Jabatan Pertanian sentiasa memastikan petani melaksanakan amalan pertanian baik serta menjalankan aktiviti pembajaan, cantasan, pengurusan air, penjarangan dan pembungkusan, pengurusan perosak dan penyakit serta pengendalian lepas tuai mengikut syor yang ditetapkan.

e) **Pelaksanaan *traceability***

Traceability dilaksanakan dengan memperkenalkan kod keselamatan buah bagi mengurangkan kecurian yang berlaku di kalangan petani. Kod ini telah digunakan oleh 64 orang petani pada musim ini bagi memastikan buah mereka tidak dicuri dan boleh dikenalpasti semula sekiranya hilang.

Antara perancangan jangka panjang pula adalah seperti berikut :

- a) Memperluaskan Projek Kluster Mangga Harumanis dengan tambahan keluasan 240 hektar bagi tempoh 2018-2020 dan melibatkan 180 orang petani.
- b) Jabatan Pertanian bekerjasama dengan UNIMAP dan MARDI dalam usaha mengenalpasti benih Mangga Harumanis yang terbaik untuk dibiakkan dan diedarkan kepada petani.
- c) Mempromosikan Mangga Harumanis untuk dieksport ke luar negara seperti Singapura, Hong Kong dan China. Setakat ini, perbincangan telah dilaksanakan dengan wakil dari Singapura dan Hong Kong.